

Elak program sampingan calar minggu orientasi di IPT

Minggu orientasi siswa baharu di institusi pengajian tinggi (IPT) awam di seluruh negara sampai ke penghujungnya. Masih tidak terlambat untuk memberikan ucapan tahniah kepada semua pelajar baharu yang terpilih untuk meneruskan pengajian di IPT masing-masing. Pasti sukar untuk digambarkan perasaan bercampur baur bagi siswa yang baharu melangkah ke dunia 'menara gading'.

Pada awal peringkat pengajian tertinggi ini, seseorang lepasan sekolah, program perediaan atau matrikulasi pasti menyemat harapan tinggi untuk berjaya, demi mencapai matlamat mempunyai karier yang diharapkan selepas tamat pengajian.

Minggu orientasi

Umum memersetujui bahawa pelajar baharu di IPT perlu diberikan haluan dan bimbingan. Untuk itu, sejak bertahun-tahun lalu, pihak universiti menganjurkan minggu orientasi dengan nama yang pelbagai seperti minggu interaksi, minggu haluan siswa atau minggu ta'aruf pada awal kemasukan siswa baharu ini. Pengantoran minggu orientasi di IPT kebiasaannya diterajui oleh Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan dibantu oleh Majlis Perwakilan Mahasiswa, Persatuan-persatuan Pelajar dan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa. Minggu orientasi sangat besar impaknya dalam menyuluh jalan yang tepat untuk diteladani oleh siswa baharu.


Misalnya, aktiviti pengenalan

kepada polisi dan peraturan universiti berperanan memandu arah siswa baharu mengenai hala tuju universiti. Aktiviti debat antara siswa memberi panduan supaya siswa bijak mengolah dan mengutarakan pendapat dan bingkangan. Aktiviti keagamaan seperti muzakarah, usrah dan perbincangan moral mengajak siswa untuk berpegang teguh dengan panduan agama masing-masing. Aktiviti kesukanan mencekus kepada gaya hidup siswa yang sihat. Aktiviti kemasyarakatan pula menyerlahkan siswa begitu besar tanggungjawabnya kepada perkembangan komuniti dan sosial.

Bagaimanapun, kejayaan pihak universiti mengadakan minggu orientasi yang sempurna akan tercalar jika adanya anasir yang tidak memenuhi aspirasi universiti. Misalnya wujud program sampingan yang dianjurkan siswa senior untuk menunjukkan 'senioriti' masing-masing dengan memaksa siswa baharu membasuh baju mereka, membuat sesuatu yang tidak masuk akal seperti meniup lampu kalimantang hingga padam, memberi gelaran nama yang buruk dan memalukan siswa baharu, dan sebagainya.

Elak jadi budaya negatif

Ini sangat mengaibkan dan dikhuatiri memberi impak negatif kepada siswa baharu dari segi semangat belajar dan gaya berfikir mereka. Perkara ini seterusnya menjadi budaya negatif yang akan dipraktikkan oleh mereka kepada junior mereka kelak, lan-



Pelajar baharu mendaftar diri ditemani keluarga pada **program orientasi pelajar baharu 2014/2015** di UPM Serdang.

[FOTO NASHAIRI MOHD NAWI/BH]

taran sifat mahu membalas dendam terhadap apa yang dilakukan ke atas mereka.

Pihak universiti dan Majlis Perwakilan Mahasiswa bertanggungjawab menghindarkan program yang tidak berasas sebegini. Sebagai langkah kawalan, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, semua IPT menegah penyertaan siswa senior selain daripada yang menjadi ahli jawatankuasa penganjur untuk menyertai minggu haluan siswa ini. Ini memastikan tidak wujud kes buli atau pengantoran aktiviti yang tidak relevan ke atas siswa baharu dan diakui mempunyai kesan positif. Ia mungkin tidak cukup dan kawalan bersifat lebih menyeluruh perlu dilaksanakan.

Ada banyak usaha serius dan bersepadu yang dilaksanakan pi-

hak IPT di negara kita untuk memastikan kelancaran dan kemurnian minggu orientasi siswa ini.

Syor tindakan tegas senior membuli pelajar baharu

Penulis ingin mencadangkan agar pihak universiti mengambil tindakan lebih tegas terhadap pelajar senior yang didapati membuli pelajar baharu. Ini dapat memberi pengajaran kepada semua siswa bahawa membuli adalah kesalahan yang sangat serius dan dilarang.

Siswa baharu perlu diberikan ruang seluasnya untuk membuat aduan sekiranya berlaku sebarang aktiviti buli atau tidak relevan yang berlaku kepada mereka semasa dan selepas minggu orientasi. Ia akan menjadi jami-

nan bahawa universiti benar-benar bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka.

Semua pihak perlu ingat bahawa Falsafah Pendidikan Negara meletakkan justifikasi yang tinggi untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan negara secara total. Jika minggu orientasi di universiti terjamin menepati sasaran keintelektualannya, maka sudah tentu semua pihak lega. Ia juga akan menambah keyakinan ibu bapa dan penjaga untuk melepaskan anak mereka hidup berdikari di menara gading.

Dr Khairunneezam Mohd Noor,
Pengetua, Kolej Kediaman Satu,
Universiti Sains Islam Malaysia

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my